



جمعيت العلماء و مدرسي الدين الاسلامي سنغافورة

PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)  
SINGAPORE ISLAMIC SCHOLARS & RELIGIOUS TEACHERS ASSOCIATION

**PERGAS**

## **KENYATAAN MEDIA**

22 Ogos 2016

### **RESPON PERGAS MENGENAI USULAN MANDATORI BAGI SKIM PENGIKTIRAFAN ASATIZAH (ARS)**

Pergas dengan kapasitinya sebagai Sekretariat Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) sentiasa mengalu-alukan sebarang inisiatif bagi memperkasakan skim ini agar lebih ramai lagi asatizah dapat menyertai skim ini dan meraih manfaat daripadanya terutamanya dari sudut pembangunan kapasiti Asatizah sebagai guru agama. Ini penting bagi memastikan masyarakat mendapat bimbingan agama daripada Asatizah yang berkelayakan dan dapat memberi panduan sesuai dengan kehidupan dalam konteks masyarakat majmuk yang berbilang bangsa dan agama.

2 Lantaran itu, Pergas telah maklum dengan usulan ini serta menyambut baik kenyataan Perdana Menteri pada rapat umum Hari Kebangsaan yang lalu mengenai langkah mewajibkan Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS). Pergas melihatnya sebagai perkembangan yang wajar, positif dan sangat penting.

#### **Latar Belakang Ringkas ARS**

3 Idea pengiktirafan Asatizah mula dicetuskan pada tahun 1994 oleh Almarhum Ustaz Abu Bakar Hashim selaku Presiden Pergas, iaitu dengan hasrat pembangunan asatizah dapat dijalankan dengan lebih berstruktur dan pengajaran agama dapat disampaikan sejajar dengan konteks di Singapura. Skim pengiktirafan ini diharap dapat mencegah dari berlaku insiden individu yang bergelar 'ustaz' melakukan kegiatan di luar norma dan etika agama.

4 Keperluannya semakin meningkat dengan insiden penahanan anggota Jemaah Islamiah (JI) pada Disember 2001. Saranan tersebut kemudiannya ditimbulkan semula dan disokong oleh anggota Pergas. Draf idea tersebut dibentangkan dan diterima sebagai salah satu Resolusi Konvensyen Ulama anjuran Pergas. Muis sebagai badan penguasa agama di Singapura kemudiannya menyetujui saranan tersebut, dan pada tahun 2005, Pergas dengan kerjasama Muis telah melancarkan skim tersebut.

5 Kini selepas sedekad, Skim Pengiktirafan Asatizah (ARS) bukan sahaja semakin berkembang dan diterima baik oleh Asatizah dan juga masyarakat Islam umumnya, tetapi juga di peringkat negara sehingga hendak diwajibkan skim ini. Dengan pendaftaran hanya sekitar 400 asatizah pada tahun 2006, bilangan tersebut kini sudah mencecah lebih 1,800 Asatizah yang telah berdaftar dengan skim ini.

### **Melangkah Ke Hadapan**

6 Justeru itu, Pergas melihat perkembangan baru bagi langkah mewajibkan ARS ini telah merealisasikan tujuan asal skim ini disarankan. Ia memberikan pengiktirafan kepada individu yang berkelayakan untuk mengajar dan memberi panduan agama. Melalui skim ini, Asatizah diperkasakan dengan latihan agar dapat memberi panduan agama yang lebih bermutu dan menjawab persoalan agama sesuai dengan konteks masyarakat Singapura yang semakin mencabar.

7 Dengan perkembangan dunia yang semakin pesat, masyarakat Islam Singapura akan terus menghadapi pelbagai cabaran dan isu yang rumit, dan Asatizah merupakan mereka yang berada di barisan hadapan dalam memberi panduan dan bimbingan agama.

8 Pergas berharap agar melalui program latihan yang disediakan di bawah skim ini, Asatizah dapat memberikan panduan agama kepada cabaran baru yang dihadapi masyarakat seperti cabaran media sosial, perkembangan kajian perubatan dan sebagainya.

9 Melangkah ke hadapan, Pergas akan terus bekerja rapat dengan Muis dalam usaha mewajibkan skim ini. Ini penting dalam memperbaiki sistem sedia ada selain memperbaiki dan menyediakan latihan-latihan yang lebih relevan dan bermutu bagi meningkatkan kapasiti Asatizah, selain berusaha lebih giat menarik lebih ramai Asatizah menyertai skim ini. Pergas juga berharap masyarakat dapat menyambut baik usaha ini dan mengalu-alukan skim ini dengan menyokongnya dan memastikan setiap keluarga kita mendapat bimbingan dan pendidikan Islam daripada Asatizah yang bertauliah.

## **PERSATUAN ULAMA DAN GURU-GURU AGAMA ISLAM (SINGAPURA)**